


NEGERI BRUNEI

No. 10 TAHUN 1962

UNDANG2 PENJELASAN TANAH (PELAN2 UKORAN),
1962



Beta bersetuju,

SIR OMAR ALI SAIFUDDIN
Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

3hb September, 1962.

Satu Undang2 membuat sharat2 untuk mengesahkan pelan2 yang telah di-sahkan bagi penjelasan atau pengenalan sa-sakeping tanah jika sedemikian di-kehendaki oleh Undang2 yang bertulis.

[3.9.62]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri sebagai berikut:—

Gelaran
pendek.

1. Undang2 ini boleh di-gelarkan sebagai Undang2 Penjelasan Tanah (Pelan2 Ukoran), 1962.

Pelan2 yang telah di-sahkan ada-lah memadai bagi memenohi kehendaki Undang2 berkenaan dengan sempadan2 dll.

Sharat2 berkenaan dengan pelan2 yang telah di-sahkan.

Pembahagian segala salinan2 gambar photograph pelan2 yang di-sahkan.

2. Jikalau di-kehendaki oleh mana2 sharat2 Undang2 yang tertulis ia itu sebagai maksud2 Undang2 yang tertulis itu satu kenyataan mustahak di-keluarkan dengan siaran di-dalam *Warta Kerajaan* atau dengan lain chara siaran untuk menjelaskan sempadan2 sa-suatu tanah atau kawasan, atau pun buah butir yang mustahak bagi mengenal sa-sakeping tanah atau kawasan, atau pun menentukan atau menamakan sempadan2 atau perenggan2 sa-suatu tanah atau kawasan, maka memadai-lah bagi maksud Undang2 itu jika tanah atau kawasan sedemikian di-jelaskan dengan menyebut di-dalam kenyataan itu akan pelan bagi tanah atau kawasan sebagai yang telah di-sahkan, di-kenali dan di-simpan di-dalam pejabat Juru Ukor Negara mengikut chara2 cheraian bab 3.

3. (1) Sa-suatu pelan itu ada-lah di-anggapkan telah di-sah dan di-kenali bagi maksud bab 2 jika —

- (a) ia-nya telah di-sahkan dan di-beri tarikh oleh Juru Ukor Negara sebagai yang sabenar dan pelan yang betol bagi tanah atau kawasan dan di-sahkan kuasa yang memberi kenyataan sedemikian untuk tanah atau kawasan yang tersebut di-dalam kenyataan; dan
- (b) ia-nya di-kenali dengan angka yang berkaitan.

(2) Tiap2 pelan yang telah di-sahkan dan di-kenali sedemikian hendak-lah di-simpan di-Pejabat Juru Ukor Negara.

4. Pehak yang berkuasa, yang memberi apa2 kenyataan berkaitan dengan pelan2 mengikut sharat2 bab 2, boleh mengarahkan supaya di-perbuat beberapa banyak pelan yang di-kehendaki-nya salinan2-nya sedemikian, yang di-jadikan dengan sechara gambar photograph (photostat), untuk dibahagikan kepada pejabat tanah di-daerah mana terletak-nya tanah atau kawasan yang tersebut di-dalam pelan itu, dan juga kepada beberapa pegawai jawatan awam yang akan di-tetapkan-nya.

- Pemereksaan.**
5. Sesiapa jua boleh memereksa sa-suatu pelan yang telah di-sahkan atau pun sa-suatu salinan yang telah di-perbuat dengan sechara gambar photograph (photostat), mengikut kehendak2 Undang2 ini pada hari berkerja di-waktu biasa-nya pejabat di-buka di-pejabat pegawai yang menyimpan pelan itu atau salinan-nya.
- Tambahan salinan2 photograph.**
6. Sesiapa jua, yang berkehendaki dan dengan membayar bayaran kadar yang di-tetapkan di-dalam Jadual, ada-lah berhak mendapatkan sa-suatu salinan gambar photograph pelan (photostat), yang telah di-sahkan dan telah di-perbuat bagi maksud2 Undang2 ini.
- Membuat dan mengesahkan salinan2 gambar photograph.**
7. Tiap2 gambar photograph (photostat), yang di-perbuat salinan bagi se-suatu pelan yang di-sahkan dan telah di-perbuat mengikut sharat bab 4, akan di-perbuat oleh Juru Ukor Negara di-mana pelan sedemikian di-simpan atau oleh se-siapa yang di-beri kuasa dengan bertulis oleh Juru Ukor Negara yang tersebut supaya membuat sedemikian, dan jua akan di-sahkan oleh Juru Ukor Negara yang tersebut atau oleh se-siapa yang membuat salinan sedemikian yang salinan itu ia-lah salinan sabenarnya dan salinan tepat daripada salinan asli pelan yang di-sahkan itu.
- Penerimaan sebagai bokti.**
8. Tiap2 pelan yang telah di-sahkan bagi maksud Undang2 ini dan jua se-suatu salinan gambar photograph pelan sedemikian yang telah di-perbuat mengikut arahan di-bawah bab 4 dan mengikut sharat2 di-bawah bab 7 boleh-lah di-terima sebagai bokti (evidence) dengan tidak payah di-sokong oleh bokti yang lain di-mana jua mahkamah di-dalam Negeri Brunei.

JADUAL

(bab 6)

BAYARAN2

Salinan2 gambar photograph bagi pelan \$2/- bagi tiap2 sakeping negatiive atau salinan yang betol.

No. 10 TAHUN 1962

JADUAL (*Sambongan*)

Salinan2 yang di-chap dengan Reflex atau \$2/- bagi tiap2
Apollo bagi pelan yang di-sahkan. sakeping salinan
yang betol.

Di-luluskan pada 19 haribulan July, 1962.

PENGIRAN MOMIN

Juru Tulis

Majlis Mashuarat Negeri, Brunei.